



Berita Semasa Edisi 1 2021

# BAHAGIAN KABINET DAN DASAR JABATAN KETUA MENTERI

BERINTEGRITI . KUALITI DEDIKASI

Bahagian Kabinet dan Dasar, Jabatan Ketua Menteri, Tingkat 27, Blok A, Menara Kinabalu, 88400 Kota Kinabalu.

☎ 088-369000

Disediakan oleh : Lubelter Voy



#### AKTIVITI GOTONG ROYONG BAHAGIAN KABINET DAN DASAR

Pada 12 Mac 2021 (Jumaat) Pejabat Bahagian Kabinet dan Dasar telah mengadakan satu aktiviti gotong-royong untuk mengenal pasti barang-barang yang perlu dilupuskan serta menyusun atur peralatan dan perabot bagi menjadikan ruang pejabat BKD yang lebih kondusif. Gotong-royong ini telah berjalan dengan lancar hasil usaha dan kerjasama daripada semua kakitangan BKD.

### BENKEL PENKELASAN SISTEM FAIL FUNGSIAN

Pada 8 & 9 April 2021, Bahagian Kabinet dan Dasar telah menganjurkan satu Bengkel Pengelasan Sistem Fail Fungsian yang bertempat di Bilik Mesyuarat BKD. Bengkel ini dikendalikan oleh Puan Sabarinah Hj. Matnin & Puan Nur Faezzah Hj. Ismail. Objektif bengkel ini diadakan ialah bagi memastikan semua kakitangan BKD memahami proses pengelasan sesebuah fail yang perlu didokumentasikan.



### TAKLIMAT KEWAJIPAN ZAKAT

Pada 29 April 2021 (Khamis) Bahagian Kabinet dan Dasar telah mengadakan satu taklimat kewajipan Zakat yang disampaikan oleh penceramah jemputan Encik Mohd Al-Hafiz Romzi, Penolong Pegawai Dakwah, Bahagian Zakat dan Fitrah Muis. Taklimat ini diadakan di Bilik Mesyuarat BKD dan disertai oleh semua kakitangan yang beragama Islam bagi memahami dan menunaikan kewajipan untuk membayar zakat.





### TAZKIRAH AMALAN-AMALAN PENGHUJUNG RAMADHAN

Pada 6 Mei 2021 (Khamis), satu acara tazkirah telah diadakan bertempat di Bilik Mesyuarat Bahagian Kabinet dan Dasar. Acara Tazkirah ini telah disampaikan oleh Ustaz Dr. Mohammad Ali bin Abdullah dan dihadiri oleh kakitangan BKD sebagai pengisian sempena bulan Ramadhan.



BERITA SEMASA EDISI 1 TAHUN 2021  
BAHAGIAN KABINET DAN DASAR, JABATAN KETUA MENTERI